

## PRINSIP WASAṬIYYAH MENURUT MUHAMMAD ASAD (w. 1992)

### *The Principle of Wasaṭiyyah According to Muḥammad Asad (d. 1992)*

<sup>i</sup>\*Ahmad Nabil bin Amir

<sup>ii</sup>Tasnim Abdul Rahman

<sup>i</sup>Former Associate Research Fellow, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM), Kuala Lumpur,

[nabiller2002@gmail.com](mailto:nabiller2002@gmail.com)

<sup>ii</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu,

[tasnimrahman@unisza.edu.my](mailto:tasnimrahman@unisza.edu.my)

\*(Corresponding author) e-mail: [nabiller2002@gmail.com](mailto:nabiller2002@gmail.com)

## ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menganalisis pandangan Muhammad Asad (1900-1992) yang signifikan tentang idea dan fahaman *wasatiyyah* dalam Islam sebagaimana dibawakan dalam adikaryanya *The Message of the Qur'an* dan *Sahih al-Bukhari: The Early Years of Islam* serta karya-karya biografikal dan travelognya yang lain yang menggariskan epistemologi dan pemahamannya yang ideal tentang *wasatiyyah*. Ia membincangkan pemandangan dan intisari asas tentang prinsip dan falsafah kesederhanaan Islam atau “komuniti jalan tengah” (*ummah wasata*) yang dihuraikan oleh Asad dengan mendalam dalam tafsiran ayat-ayat al-Qur'an dan syarahan hadisnya. Kajian ini berlandaskan metode kualitatif dari jenis tinjauan pustaka dan analisis isi. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif, analitikal dan kesejarahan berasaskan pendekatan

induktif dan deduktif. Temuan kajian mendapati Asad telah menggarap secara tuntas makna dan konsep *wasatīyyah* yang terangkum dan holistik dalam karya-karyanya yang merumuskan fikrah dan idealisme Islam yang mendasari ajaran-ajaran spiritualnya yang membawa nilai kesederhanaan dan implikasinya yang penting dalam masyarakat Muslim. Kajian ini berimplikasi luas terhadap pemahaman dan penerapan ajaran dan amalan *wasatīyyah* dalam masyarakat yang menggabungkan nilai kesederhanaan dan kesatuan agama yang mengambil kira aspek fizikal, mental, luaran dan dalaman secara seimbang dan harmonis.

**Keywords:** Asad; The Message of the Qur'an; *wasatīyyah*; komuniti jalan tengah; imperatif agama

## ABSTRACT

The paper aims to analyze Muhammad Asad's (1900-1992) significant ideas and concept of "*wasatīyyah*" as illustrated in his magnum opus *The Message of the Qur'an and Sahih al-Bukhari: The Early Years of Islam* as well as his other works of biography and travelogue that presents his epistemological postulate of the worldview and understanding of *wasatīyyah*. It endeavors to discuss essential ideal and principle of moderate Islam or "community of the middle way" (*ummah wasaṭa*) as interpreted and propounded by Asad in his major tafsir (Qur'anic exegesis) and hadith commentary. The study is based on qualitative method in the form of library and documentary survey and content analysis. It employed descriptive, analytical and historical approaches to analyze scientifically selected data and material. The finding reveals that Asad had illustrated compelling and meaningful ideas

of *wasatīyyah* in a holistic and inclusive manner throughout his works projecting its indispensable values and significant implications in Muslim society. The study has wide implication for the application of the norms, teaching and practice of *wasatīyyah* in society in term of synthesizing religious principle of moderation and unity by integrating mental, physical, spiritual and material aspect of life into a justly balance and coherent manner.

**Keywords:** Asad; The Message of the Qur'an; *wasatīyyah*; community of the middle way; Islamic imperative

## PENDAHULUAN

Artikel ini membincangkan perspektif agama tentang ideal *wasatīyyah* yang ditinjau dari lensa Muhammad Asad (1900-1992). Penelitian ini bermaksud mengisi kesenjangan dalam penggambaran tentang idea dan prinsip *wasatīyyah* yang dikembangkan Asad dalam karya-karyanya yang menempatkan doktrin ini sebagai prinsip yang penting dalam konteks nilai dan dasar yang membentuk ajaran-ajaran agama dan pandangan hidupnya.

Reposisi fikrah *wasatīyyah* ini ditandai oleh nuansa falsafah dan moralnya yang terkait dengan pencerahan konseptual berhubung aspek *iqtisād* (bersederhana) dalam hal-hal akidah, amal ibadah, praktik kerohanian, pentadbiran dan tatanan sosial-politik. Pemahaman ini dikupas dalam banyak tulisannya yang menyentuh secara tuntas prinsip hukum dan penghayatan yang ideal terhadap aspek-aspek fizikal dan spiritualnya, nilai-nilai syarak, keutamaan hukum dan prinsip masalah, dan misi kenabian AS. Ketokohan Asad dalam diskursus *wasatīyyah* ini dianggap antara pelopor dan autoriti penting dalam wacana *wasatīyyah* kontemporari, dalam perumusan teori dan aplikasinya yang tertegak di zaman moden, serta pengembangan idealisme moralnya selain pembesar mazhab dan ahli hukum dan fatwa yang proaktif lainnya seperti ‘Abd al-Wahhāb b. Aḥmad al-Miṣrī al-Sha‘rānī (1493-1565), Syekh Yūsuf al-

Qaraḍāwī (1926-2022), ‘Abd Allāh Ibn Bayyah (l. 1935), Muḥammad Abū Zahrah (1898-1974), Maḥmūd Syaltūt (1893-1963), Muḥammad Muṣṭafā al-Marāghī (1881-1945), Muḥammad ‘Abd Allāh Dirāz (1894-1958), Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1944-2004), Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī (1929-2013)<sup>1</sup> dan lain-lainnya.

Teras pembahasan artikel meneliti apakah ciri-ciri kesederhanaan Islam yang diilhami oleh Asad sebagai model yang instruktif dalam aplikasi hukum dan kaedah formalisasinya yang ideal dan konstruktif. Konsep dan nilai *wasatīyyah* ini diutarakan secara konsisten dalam penafsirannya terhadap ayat-ayat al-Qur’ān dan hadis yang mengambil kira nilai *maqāṣid* yang luas. Intipati asasnya bertemu pada praktik kenabian AS dan para sahabat yang menegakkan faham Islam yang sederhana dan pertengahan yang meraikan konteks hukum dan nilai keseimbangan dalam syariat.

Prinsip *wasatīyyah* ini diterapkan dalam teori serta pendekatan etika dan hukumnya yang berakar daripada nilai, tradisi dan ajaran-ajaran moral Islam yang memberi kesan mendalam, antaranya:

*“Tiap sesuatu dalam tradisi Islam adalah berdasarkan pada konsep kesederhanaan.”*<sup>2</sup>

Konsep ini terlakar dalam tafsirnya yang menghubungkan ideal *maqāṣid* dengan intisari dan nilai *ahkam* yang seimbang, *syumul* dan aplikatif. Konsep kesederhanaan ini dapat diperhalusi dari tafsirannya terhadap ayat-ayat al-Qur’ān yang terkait dengan dalil dan landas hukum bernuansa pertengahan (*tawāzun*) yang mempotretkan pendekatan syar‘iyyah yang moderat yang membentuk ajaran-ajaran moral dan etikanya yang universal<sup>3</sup> seperti yang terkandung dalam surah berikut:

<sup>1</sup> Muhammad Safwan Harun, Lukman Abdullah dan Muhammad Ikhlas Rosele, “Pendekatan Wasatiyah dalam Pemikiran Fiqh al-Jihad Muhammad Said Ramadan al-Buti”, *Journal al-Muwafaqat* 3, no. 1 (2020): 1-15.

<sup>2</sup> Kamali, Mohammad Hashim, *The Middle Path of Moderation in Islam: The Qur’anic Principle of al-Wasatiyyah*, (Oxford: Oxford University Press, 2015), 32.

<sup>3</sup> Za‘ba, *Asuhan Budi Menerusi Islam*, (Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia, 2022), 19.

*Maksudnya: (dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau).*

(Surah al-‘Arāf 7:31)

*Maksudnya: (Dan tuntutan dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia.*

(Surah al-Qaṣāṣ 28:77)

*Maksudnya: (Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu, dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya, kerana akibatnya akan tinggallah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan).*

(Surah al-Isrā’ 17:29)

*Maksudnya: (tetapi adalah mereka mengambil tempat di tengah-tengah dengan sama timbang antara dua itu).*

(Surah al-Furqān 25:67)

## TINJAUAN LITERATUR

Dalam tinjauan Ahmad Syafii Maarif tentang tafsir Muhammad Asad berhubung dengan mafhum ungkapan *ummatan waṣatā* (komuniti jalan tengah), beliau memperlihatkan bahawa ianya adalah persoalan kunci yang diartikulasikan Asad dalam tafsirnya, selaras dengan garis pengantarnya dalam upaya menjawab:

*“bagaimana seharusnya saya berperilaku agar meraih kehidupan yang baik di dunia dan kebahagiaan dalam kehidupan yang akan datang?”<sup>4</sup>*

---

<sup>4</sup> Asad, Muhammad, *The Message of the Qur’an*, (Gibraltar: Dar al-Andalus, 1980), 1.

Pemahamannya dirumuskan dalam terjemahan Asad terhadap ungkapan *ummatan waṣatā* sebagai “*a community of the middle way*”, yang membayangkan umat yang ideal yang tidak terbawa ke jurang ekstrim ke kiri atau ke kanan, tetapi tegak di landas pertengahan berbekalkan kepercayaan tauhid, yang dipertahankan dengan maruah dan ketinggiannya sebagai umat yang beriman<sup>5</sup>.

Dalam artikelnya tentang prinsip *wasatīyyah* yang dikembangkan oleh Muhammad Asad, Nadzrah Ahmad et al<sup>6</sup>. menunjukkan bahawa tafsirannya tentang konsep *wasatīyyah* ini dirangkul dalam hampir keseluruhan karya-karya kreatifnya yang menggambarkan secara utuh konsep kehidupan yang harmonis dari segi spiritual, moral dan nilai keseimbangannya yang berhubungan dengan kesedaran metafizik dan duniawi.

Dalam karyanya yang seminal al-Khaṣā’iṣ al-‘Āmmah li al-Islām dan al-Madkhal ila’l Ma’rifat al-Islām (*Islam an Introduction*) Yusuf al-Qaradawi<sup>7</sup> memberikan gambaran yang tuntas tentang karakteristik dan sifat-sifat utama dari tabiat agama Islam dan syariah dan prinsip kesyumulannya. Ia menekankan aspek ruh dan intisari asasnya yang bersifat seimbang dengan ciri-cirinya yang ideal, seperti *rabbāniyyah* (ketuhanan), *insāniyyah* (kemanusiaan), *thabāt* dan *murūnah* (tetap dan fleksibel), *wāqī’iyyah* (praktikal dan realistik), *tawāzun* (berimbang), *syumūl* (menyeluruh), *‘ālamīyyah* (sejagat) dan *wasatīyyah* (pertengahan) yang merefleksikan karakteristik dan pembawaan syariah Islam yang khas sederhana, responsif dan dinamis.

Prinsip moderasi beragama ini juga menjadi antara konsep penting yang ditinjau dalam diskursus Islam di Indonesia yang dipelopori oleh Azyumardi Azra, Muhammad Quraish Shihab dan Nurcholish Madjid.

<sup>5</sup> Ahmad Syafii Maarif, “Muhammad Asad, Risalah al-Qur’an dan Dunia Melayu,” diakses pada 1 Jan 2020, <https://irfront.org/print/9931>

<sup>6</sup> Nadzrah Ahmad, Ahmad Nabil Amir, “*Wasatiyyah*” in the Perspective of Muhammad Asad, (Munich: GRIN Publishing, 2017), 1.

<sup>7</sup> Al-Qaradawi, Yusuf, *Islam: An Introduction*. Tr. Syed Bashir Ahmad Kashmiri, (Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2010), 1.

Menurut Nurcholish, sikap pertengahan dalam beragama ini memungkinkan:

*“umat Islam menjadi agen perdamaian dan keharmonisan dalam masyarakat.”<sup>8</sup>*

Ia menjadi intisari dari ajaran Islam yang mendorong umat bersikap harmonis dan menjauhi kekerasan, dan tiang yang mendukung misi Islam yang bersifat *rahmat lil ‘ālamīn*,<sup>9</sup> yang berguna dalam menjaga hubungan antara agama,<sup>10</sup> mengelakkan konflik, yang mengimbangi antara tuntutan kerohanian dan keduniaan, kepentingan individu dan kolektif dan antara tradisi dan kemodenan.<sup>11</sup> Dalam penjelasannya tentang falsafah kesederhanaan dan pandangan hidup Islam dalam bukunya *Falsafah Hidup* dan *Lembaga Budi*, Hamka (1908-1981) merumuskan faham etika dan moralnya yang digarap dari kupasan ahli kalam dan falsafah Muslim, Ibn Hazm dan al-Ghazali tentang makna *wasatīyyah*. Menurut Ibn Hazm:

*“dia harus tahu bahawa sikap yang adil dalam mempertimbang sesuatu dan ukuran dari keperibadiannya ialah sederhana dan seimbang. Jalan tengah antara dua pendirian: kelengahan dan keterlanjuran”.*<sup>12</sup>

Manakala al-Ghazali, dalam penulisan kalam dan teori spekulatifnya berhujah bahawa “keseimbangan udara dalam badan adalah pangkal kesihatannya. Manakala keharmonian terganggu, timbullah kepincangan dan kesakitan. Ini dapat dibandingkan dengan kesihatan

---

<sup>8</sup> Syafii, Lazuardi Ramadhan Yusuf, “Moderasi Beragama dalam Mewujudkan Islam Rahmatan Lil Alamin”, *Al-Afkar Journal for Islamic Studies* 7, no. 4 (2024): 1015-1026.

<sup>9</sup> Nurcholish Madjid, *Islam Doktrin dan Peradaban*, (Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina, 2000), 147.

<sup>10</sup> Azyumardi, Azra, *Islam Nusantara: Islam Indonesia dalam Politik Global*, (Jakarta: Mizan, 2018), 102.

<sup>11</sup> Kamali, Mohammad Hashim, *Principles of Islamic Jurisprudence*, (Cambridge: Islamic Texts Society, 2003), 64.

<sup>12</sup> Hamka, *Lembaga Budi* (Shah Alam: Pustaka Dini, 2016), 36.

spiritual. Keseimbangan dalam sikap spiritual adalah tanda keafiataannya.”<sup>13</sup>

Sementara Mohd. Kamal Hassan dalam mengartikulasikan prinsip *wasatiyyah* yang disampaikan dalam ucapatanya sempena konferens ‘*Islam and Islamic Studies in Changing World: Challenges and Opportunities*’ merumuskan bahawa “ajaran-ajaran al-Qur’an tentang *Khayr Ummah* (umat yang terbaik) ternyata menjadi bahagian yang tak terpisahkan dari konsep *al-wasatiyyah* yang merujuk kepada keadaan, sifat serta ciri keadilan dan kebaikan yang telah Allah SWT tetapkan secara khusus kepada Ummat Nabi Muhammad SAW sebagai *Ummatan Wasata* iaitu sesuatu kekuatan kolektif yang penting yang melangkaui sempadan ras dan bangsa yang telah diamanahkan oleh Allah SWT untuk menjayakan misi transformatif Nabi SAW.”<sup>14</sup>

Menggambarkan tema yang mengakar dan berimplikasi luas dari *wasatiyyah*, yang didasari dari pandangannya yang analitik terhadap teks al-Qur’an dan hadis, Rizkhan menghuraikan kaedah asasnya dengan mengungkapkan:

*“sederhana atau seimbang, adalah karakteristik dan sifat fundamental Islam, sebagaimana disebut dalam al-Qur’an:*

*Maksudnya: Kami telah menjadikan kamu umat yang seimbang.*

(Surah al-Baqarah 2:143)

Nas-nas Islam menyeru umat Islam untuk mempraktikkan kesederhanaan dan menolak semua bentuk keekstriman: *ghuluww* (pelampau) dan *tashdid* (taasub).<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup> Hamka, *Lembaga Budi*, 36.

<sup>14</sup> Mohd. Kamal Hassan, “Understanding and Explaining the Concept of *al-Wasatiyyah* in the Current World Situations”, keynote address, *Second International Conference on Islam and Islamic Studies in Changing World: Challenges and Opportunities*, Prince of Songkla University Pattani, Thailand, 14-16 January, 2011.

<sup>15</sup> Rizkhan, *Alwaleed: Businessman, Billionaire, Prince*, (New York: Harper Collins Publisher, 2005), 1.

Justeru artikel ini bermaksud menghuraikan prinsip *wasatīyyah* yang dirumuskan oleh Muhammad Asad dalam karya tafsirnya secara lebih mendalam, yang membentuk doktrin kunci dalam pemahaman hukum dan implikasinya yang dinamis dalam konteks pemikiran dan ajaran-ajaran moden Islam.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analitik dan deskriptif, dalam meneliti kandungan kitab *The Message of the Qur'an* dan *Sahih al-Bukhari The Early Years of Islam* serta melakukan pencerakinan terhadap tema-tema asas berkaitan konsep *ummatan wasata* berdasarkan sembilan ayat al-Quran. Penelitian ini menerapkan pendekatan kualitatif (naratif) analogi, fenomenologi, sejarah dan tematik, berasaskan teori hermeneutik serta kefungsi-sosiologi dan teologi yang diilhamkan Nurcholish Madjid. Data dan bahan kajian dikumpulkan daripada sumber-sumber literatur yang berkaitan, terdiri daripada bahan-bahan bertulis primer dan sekunder yang dianalisis dengan meneliti dan meneroka penjelasan-penjelasan ilmiah oleh Asad berkaitan mafhum *wasatīyyah* dalam Islam.

## HASIL DAN PEMBAHASAN

Pemahaman yang utama tentang prinsip dan faham *wasatīyyah* dari pandangan agama telah disimpulkan secara intrinsik dalam teks al-Qur'an dan hadis yang menetapkan preseden yang tiada taranya terhadap idea yang penting ini. Ia mempunyai hubungan yang mendalam dalam pandangan hidup Muhammad Asad, tema yang dipertahankan dengan tuntas dalam penafsirannya.

Bahagian ini menyorot secara ringkas rangka asas dari falsafahnya yang kritis yang dirumuskan Asad dalam tafsirnya, *The Message of the Qur'an*. Ia mengilhamkan pemahaman mengenai tema dan konsep asasnya dari perspektif agama yang banyak dijelaskan secara terperinci dalam nota kakinya, sebagaimana yang diungkapkan olehnya:

*“Islam should be presented without any fanaticism.  
Without any stress on our having the only possible way*

*and the others are lost. Moderation in all forms is a basic demand in Islam.”<sup>16</sup>*

*Maksudnya: Islam harus ditegakkan tanpa sebarang kefanatikan. Tanpa menekankan jalan kita saja yang benar dan yang lainnya tersesat. Kesederhanaan dalam semua bentuk adalah tuntutan asas dalam Islam.*

Dalam tafsirnya, Asad banyak menukil ayat-ayat al-Qur'an yang membawa prinsip dan idea pokok tentang *wasatīyyah* yang memperlihatkan wawasan, makna dan konotasinya yang mendalam, seperti dijelaskan dalam komentarnya pada Surah al-Baqarah 2:143, Āli ‘Imrān 3:110, al-Nisā’ 4:28, al-Isrā’ 17:19, 110, al-Qaṣaṣ 28:77, al-Rahmān 55:9, al-An‘ām 6:145, al-Furqān 6:145 dan lain-lainnya.

Dalam sumber-sumber hadis juga terdapat keterangan ringkas tentang sifat pertengahan Islam, yang bermaksud sedang, sederhana, di tengah-tengah, tidak melampau atau berlebih-lebihan seperti riwayat yang dikeluarkan oleh Muslim:

*“Maksudnya: Pasti kalah orang-orang yang memberat-beratkan dalam urusan agama. Mereka hanya memudaratkan dirinya orang yang mempersulit dan memaksa kekerasan dalam ibadah. Binasalah orang yang melampaui batas”,<sup>17</sup>*

*“Maksudnya: Jalanilah Islam dengan cara yang sederhana, dekatkan, dan gembirakan,”<sup>18</sup>*

---

<sup>16</sup> Asad, Muhammad, *The Message of the Qur'an*, 19.

<sup>17</sup> Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nisāburī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, (Kaherah: Matba'ah Īsa al-Bābī al-Ḥalbī wā Syarkahu, 1955), Hadis no. 2670, 4: 2055.

<sup>18</sup> Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Nisāburī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Hadis no. 39, 113.

*“Maksudnya: Sebaik-baik amal adalah yang pertengahan”<sup>19</sup>,*

*“Maksudnya: Jangan terlalu keras, nanti engkau akan patah, namun jangan terlalu lembut, agar engkau tidak ditindas”<sup>20</sup>*

Dan berbagai riwayat dan *athar* lain yang ditemui dalam tradisi hadis, sunnah, *athar* sahabat, ulama dan fuqaha salaf dari kalangan sunni dan shiah.

Prinsip *wasatīyyah* ini juga dibangunkan Muhammad Asad dalam buku auto-biografi spiritualnya yang terkenal, *The Road to Mecca* yang menganalisis secara mendalam konstruk dan fikrah dasarnya sebagai konsep yang bertanggungjawab mencorakkan pola kehidupan Islam terawal:

*“manusia-manusia pada masa Nabi Besar Muhammad (saw). Mereka itu hidup dalam lingkungan yang jauh lebih bersahaja daripada kita dan oleh kerana itu pula masalah-masalah dan kesukaran mereka jauh lebih mudah pemecahannya.”<sup>21</sup>*

Dan dari suasana kehidupan padang pasir yang sederhana inilah timbulnya pengalaman dan kesedaran tauhid:

*“and yet it was from this desolate, lifeless land, from amidst these sandy valleys and naked hills, that the*

---

<sup>19</sup> Al-Bayhaqī, Abī Bakr Aḥmad ibn al-Ḥusayn ibn ‘Alī, *Sunan al-Kubra* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1994), Jil. 3, Hadis no. 273, 91; al-Albānī, Muḥammad Naṣīr al-Dīn (w. 1420 H), *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah wa Atharuha al-Sayyi’ fi al-Ummah* (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif), Jil. 14, Hadis no. 1663, 41.

<sup>20</sup> Sharif al-Radi, *The Path of Eloquence, Imam Ali’s Sermons, Letters and Sayings*, (World Organization for Islamic Services, 1987), 190.

<sup>21</sup> Asad, Muhammad, *Jalan Ke Makkah*, tr. Fuad Hashem (Bandung: Penerbit Mizan, 1985), 360.

*most life-affirming faith of man's history sprang forth*"<sup>22</sup> (Maksudnya: namun dari daerah yang terpencil, gersang, dari tengah-tengah lembah pasir yang berdebu dan bukit-bukau yang telanjang inilah, timbulnya kepercayaan yang paling menegaskan kehidupan dalam sejarah manusia).

Beliau membawakan pandangan hidup Islam yang ideal yang berasaskan nilai keseimbangan yang bermakna dalam konteks kehidupan yang berkembang dengan tuntutan material dan fizikal dan perimbangannya oleh kesedaran moral dan spiritual dalam garis kemajuan peradabannya:

*"Lebih dari waktu-waktu terdahulu, saya yakin, kita ini memerlukan dasar teologis untuk suatu kontrak sosial yang baru; memerlukan suatu kepercayaan yang menyedarkan kita akan kepalsuan kemajuan materi untuk kepentingan materi itu sendiri – dan kendatipun demikian, akan memberikan kepada kehidupan duniawi ini bahagiannya; kesemuanya akan menunjukkan kepada kita cara mengatur keseimbangan antara keperluan fisik dan spiritual; menyelamatkan kita dari bencana masa sekarang ini, haruslah menjadi tujuan kita."*<sup>23</sup>

Kesan ini turut diperkuatkan dalam tafsirnya, sebagaimana dilakarkan dalam komentarnya pada:

*Maksudnya: Dan, perhatikanlah, kalangan yang berpaling dari risalah Kami tidak lain hanya didesak oleh kelemahan dan kerapuhan sifat manusia.*

(Surah al-Shūrā 42:48)

---

<sup>22</sup> Asad, Muhammad. *The Road to Mecca*, 4<sup>th</sup> rev. ed. (Louisville, KY: Fons Vitae, 1980), 301.

<sup>23</sup> Asad, Muhammad, *Jalan Ke Makkah*, tr. Fuad Hashem, 360.

Asad menjelaskan dalam nota kakinya:

*“Manusia, kebiasaannya, hanyut dalam pencarian kebendaan dan kesenangan, pencapaian yang dia identifikasi dengan “kebahagiaan”; justeru, dia menaruh hanya sedikit perhatian terhadap tujuan dan nilai spiritual, dan terlebih lagi manakala dia diseru untuk meninggalkan pencariannya yang rakus dengan mengutamakan padanya masih hipotetikal kehidupan di akhirat.”<sup>24</sup>*

Dalam contoh yang lain, ketika mengunjurkan Kaabah sebagai titik tumpuan dalam sembahyang, Asad menunjukkan kesederhanaan reka bentuknya yang mencerminkan kesan yang ekspresif dari sifat kesederhanaan Islam, sebagai ditunjukkan dalam buku autobiografinya:

*“Bangunan persegi yang kecil ini merupakan puncak kerinduan dan mencapainya berarti suatu penyelesaian. Itulah dia, hampir menyerupai kubus yang sempurna (seperti erti yang tercakup dalam bahasa Arabnya) seluruhnya tertutup kain hitam, sebuah pulau tenang di tengah-tengah persegi empat yang amat luas itu merupakan masjid; jauh lebih tenang dibandingkan dengan segala karya arkitek mana pun di dunia ini. Hampir tampak pada kita bahawa pembangun pertama Ka‘bah itu – kerana sejak zaman Ibrahim (as), struktur asalnya telah dibangun beberapa kali dalam bentuk yang sama – bermaksud menciptakan yang mampu mengibaratkan kerendahan diri manusia di depan Tuhan. Pembangun itu tahu bahawa tidak ada gaya arkitek dan tidak ada kesempurnaan garis, betapapun hebatnya, yang dapat menerapkan dengan adil idea Tuhan; dan itulah sebabnya maka ia membatasi dirinya pada bentuk tiga*

---

<sup>24</sup> Asad, Muhammad, *The Message of the Qur‘an*, 1065.

*dimensi paling sederhana yang dapat dibayangkan – sebuah kubus batu.”<sup>25</sup>*

Pendirian Ka’bah yang direncanakan oleh Nabi Ibrahim (as) dan Nabi Ismail (as) ini mengilhamkan kesederhanaan dari rasa kerendahan dan penyerahan yang diabdikan di hadapan kekuasaan ilahi:

*“Saya telah menyaksikan di berbagai negeri-negeri kaum Muslimin, tempat tangan seniman besar menciptakan karya seni yang terilhami...semua ini telah saya saksikan – akan tetapi tak pernah kesannya kuat seperti kali ini, di depan Ka’bah, terkesan bahawa tangan seorang pembangun demikian dekatnya dengan konsepsi agamanya. Justeru dalam kesederhanaan kubus itu, yang menyangkal segala keindahan garis dan bentuk, berkatalah fikiran ini: Betapapun indahnya segala apa yang mampu dibuat oleh tangan-tangan manusia, adalah congkak jika dibandingkan dengan kebesaran Tuhan; oleh kerana itu semakin sederhana yang dapat disombongkan manusia, merupakan hal terbaik yang dapat dibuatnya untuk menyatakan kebesaran Tuhan.”<sup>26</sup>*

Pemahaman yang dinamik tentang konsep dan nilai kesederhanaan ini jelas terpancar dari tafsirannya pada ayat 3:96 dari Surah Ali-‘Imran yang mengilhamkan pemandangan yang mengesankan tentang asal-usul Mekah ini dan pengaruh spiritualnya yang penuh ilham:

*“Behold, the first Temple ever set up for mankind was indeed the one at Bakkah: rich in blessing, and a [source of] guidance unto all the worlds”*  
(Maksudnya: Perhatikanlah, Kuil pertama yang didirikan bagi umat manusia sesungguhnya yang

---

<sup>25</sup> Asad, Muhammad, *Jalan Ke Makkah*, tr. Fuad Hashem, 431.

<sup>26</sup> Asad, Muhammad, *Jalan Ke Makkah*, tr. Fuad Hashem, 432.

*terletak di Bakkah: sarat dengan keberkatan, dan suatu [sumber dari] petunjuk kepada sekalian alam).*

Dalam penjelasannya pada ayat ini Asad mengomentari:

*“Semua autoriti bersepakat bahawa nama ini adalah sinonim dengan Mekah (yang, ditransliterasi dengan tepat, dieja sebagai Makkah). Banyak etimologi yang telah dicadangkan bagi penyebutan yang sangat kuno ini; tetapi penjelasan yang paling munasabah diberikan oleh Zamakhshari<sup>27</sup> (dan didukung oleh Razi): dalam sebahagian dialek Arab yang tua konsonan dari bunyi bibir b dan m, secara fonetik dekat kepada satu sama lain, yang kadang kala dapat saling bertukar. Penyebutan, dalam konteks ini, tentang Kuil di Mekah yakni, Ka’bah, lahir dari kenyataan bahawa ia adalah arah kiblat (qiblah) yang ditetapkan dalam al-Qur’an. Memandangkan bentuk asli dari Ka’bah dibina oleh Ibrahim dan Isma’il (lihat 2:125 ff.) dan adalah, kerananya, jauh lebih tua dari Kuil Sulaiman di Baitulmaqdis penegakkannya sebagai qiblah pengikut-pengikut al-Qur’an tidak hanya tidak membayangkan sebarang pemutusan dengan tradisi Ibrahim (atas mana, akhirnya, seluruh Bible bersandar) bahkan, sebaliknya, menegaskan semula hubungan langsung dengan bapa itu: dan disini terletak jawapan kepada bantahan kedua dari orang-orang Yahudi yang disebut dalam nota 73 di atas.”<sup>28</sup>*

Perbincangan tentang faham wasāfiyyah dan paradigma al-Qur’an tentang prinsip dan manifestasinya dalam ayat turut disorot dalam beberapa contoh interpretasinya pada:

---

<sup>27</sup> Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud b. ‘Umar, *al-Kashshaf ‘an Haqa’iq al-Tanzil*, ed. W. Nassau Lees (Calcutta: W. Nassau Lees, 1856), 212.

<sup>28</sup> Asad, Muhammad, *The Message of the Qur’an*, 108.

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ  
الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

*Maksudnya: (Dan demikianlah (sebagaimana kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad [saw]) satu umat pertengahan (umat pilihan lagi adil), supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad [saw]) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.*

(Surah al-Baqarah 2:143)

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ  
الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

*Maksudnya: (Kamu (wahai umat Muhammad [saw]) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).*

(Surah Āli-‘Imrān 3:110)

Dan lainnya dari teks al-Qur’an. Pemahaman ini secara eksplisit dijelaskan dalam nota kakinya, yang menghuraikan konsep dan falsafahnya yang luas, di mana:

*“dalam helaian-helaianya, beliau menemui kesedaran-bertuhan yang intens yang tidak membuat pemisahan antara jasad dan ruh, atau agama dan akal, sebaliknya terdiri daripada interaksi yang*

*harmonis terhadap keperluan spiritual dan tuntutan sosial.*”<sup>29</sup>

Dalam perbincangannya pada Surah al-Baqarah ayat 143, Asad menampilkan kefahaman yang signifikan tentang makna dan intisari ayat tentang “middlemost community” yang menggariskan ciri dan karakteristik utama ummah:

*“Dan demikianlah Kami menghendaki mu untuk menjadi umat jalan tengah”, Asad mengulas, “makna literal, “umat pertengahan” – yakni, umat yang menjaga keseimbangan yang setara antara sisi ekstrim dan bersikap realistik dalam penghargaannya terhadap sifat dan kemungkinan-kemungkinan manusia, menolak keduanya, kecerobohan dan pertapaan yang berlebih-lebihan. Selaras dengan seruannya yang sering-diulang kepada kesederhanaan dalam setiap aspek kehidupan, al-Qur’an menyarankan orang-orang mukmin untuk tidak meletakkan penekanan yang terlalu besar terhadap aspek fizikal dan material daripada kehidupan mereka, sebaliknya, mendalilkan, pada masa yang sama, bahawa dorongan dan keinginan manusia berkait dengan “kehidupan jasmani” ini adalah kehendak-Tuhan dan, justeru, sah. Dalam analisis yang lebih lanjut, ekspresi “komuniti jalan tengah” dapat dikatakan untuk merumuskan, seakannya, sikap Islam terhadap masalah kewujudan manusia itu sendiri: penafian terhadap pandangan bahawa terdapat konflik yang berakar antara ruh dan jasad, dan penegasan yang jelas tentang kesatuan yang alamiah, dikehendaki-Tuhan dalam dua lapisan aspek daripada kehidupan manusia ini. Sikap yang seimbang ini, unik kepada Islam, mengalir secara langsung daripada konsep tentang keesaan Tuhan dan, dengan itu,*

---

<sup>29</sup> Hasan Zillur, Rahim. “Muhammad Asad Visionary Islamic Scholar”, *Washington Report on Middle East Affairs*, (Sept 1995), 45-46.

*daripada kesatuan tujuan yang melandasi semua ciptaan-Nya: dan justeru, penyebutan tentang “umat jalan tengah” di tempat ini adalah pengenalan yang pantas kepada tema tentang Ka’bah, simbol dari kesatuan Tuhan.”<sup>30</sup>*

Dalam karyanya, Asad menggarap dalil dan pemahaman yang ideal tentang *ummah wasaʿta* atau “masyarakat ekumenis yang unggul (*an ecumenical community par excellence*)”<sup>31</sup> yakni umat yang seimbang, beragama dan harmonis, dalam penghayatannya terhadap etika dan nilai penghidupan yang adil dan pertengahan, yang tegak di atas landasan akidah, keimanan dan kemanusiaan.

Pandangan rasional Asad tentang ayat ini digarap dari konsep dan hujah keagamaan yang intrinsik yang menetapkan prinsip pertengahan berdasarkan faham keadilan, yang memanifestasikan nilai dan wawasannya yang mendalam tentang ideal dan dimensi *wasatīyyah*. Kesan ini sebagai diungkapkan oleh Abdullah Saeed dalam rumusannya tentang interpretasinya terhadap ayat al-Quran:

*“Bagi Asad, kesederhanaan berlaku dalam hubungannya dengan kehidupan seharian. Dalam pemahaman ini, ia bukan sangat berorientasi pada tujuan, sebaliknya pembatasan-diri yang sederhana terkait dengan penggunaan, materialisme dan pergaulan. Meskipun demikian, dalam hubungannya dengan Q. 3:110, Asad mengusulkan bahawa ummah perlu bersiap siaga untuk berjuang. Beliau menegaskan: “kemenjadian kita sebagai Ummah yang layak dan berguna di sisi Tuhan bergantung pada kesediaan kita untuk berjuang, sentiasa dan dalam semua keadaan, untuk menegakkan keadilan dan menghapuskan kezaliman: dan hal ini seharusnya*

---

<sup>30</sup> Asad, Muhammad, *The Message of the Qur'an*, 59.

<sup>31</sup> Al-Faruqi, I.R., *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life* (Herndon, Virginia: IIIT, 1992), 13.

*dapat mencegah kemungkinan masyarakat Islam yang sebenar berlaku tidak adil kepada kaum bukan Islam.”<sup>32</sup>*

Dalam tafsirannya pada Surah al-A’rāf ayat 32:

*Maksudnya: Katakanlah: “Siapakah yang dapat melarang keindahan yang Tuhan telah keluarkan bagi makhlukNya, dan benda-benda yang baik dari antara jalan rezeki?).*

(Surah al-A’rāf ayat 7:32)

Asad menjelaskan makna yang dipreskripsikan tentang sifat pertengahan dalam pencarian material dan pemenuhan kehidupan fizikal serta keperluan untuk mengimbangi tuntutan lahiriah dan penghayatan spiritualnya, dengan berhujah:

*“Dengan mengisytiharkan bahawa semua kebaikan dan benda yang indah daripada kehidupan – i.e., yang tidak secara tegas dilarang – adalah halal kepada orang-orang beriman, al-Qur’an mengecam, secara tersirat, semua bentuk pertapaan yang menafikan-kehidupan, penolakan-dunia dan penyeksaan-diri.”<sup>33</sup>*

Dalam tafsirnya yang ekstensif pada Surah al-Tawbah ayat 122:

*Maksudnya: (Dengan semua ini, tidaklah pantas bagi semua orang-orang beriman berangkat ke medan [ketika perang].*

(Surah al-Tawbah 9:122)

---

<sup>32</sup> Abdullah Saeed, “The Nature and Purpose of The Community (Ummah) In The Qur’an.” In Lucinda Mosher & David Marshall, eds., *The Community of Believers Christian and Muslim Perspectives* (Washington, DC.: Georgetown University Press, 2013), 21.

<sup>33</sup> Asad, Muhammad, *The Message of the Qur’an*, 312.

Dari antara setiap kumpulan di tengah mereka, sebahagian harus menahan dari mara untuk berperang dan harus mengabdikan diri mereka [sebaliknya] untuk mencari pengetahuan yang lebih mendalam tentang agama. dan [justeru akan sanggup untuk] mengajar saudara mereka yang pulang, supaya kelompok ini [juga] dapat melindungi diri mereka dari kejahatan), Asad menunjukkan perimbangan syarak yang tidak memisahkan persoalan duniawi dan ukhrawi yang meraiikan urusan dan masalah keduanya yang dipandang mewakili suatu kesatuan, menurutnya:

*“Makna literal, “mengingatkan kaum mereka setelah mereka kembali kepada mereka, supaya mereka berwaspada”. Walaupun perintah di atas menyebut secara spesifik ilmu agama, ia mempunyai hubungan yang positif kepada setiap jenis ilmu – dan ini mengingatkan kenyataan bahawa al-Qur’an tidak meletakkan sebarang garis-pemisah antara urusan hidup spiritual dan duniawi tetapi, sebaliknya, menganggapnya sebagai aspek yang berbeza dari satu realiti yang sama.”<sup>34</sup>*

Dalam komentarnya pada Surah al-An‘ām ayat 142:

*Maksudnya: (Dan dari binatang ternak yang dipelihara untuk pekerjaan dan untuk daging mereka, makanlah apa jua yang Tuhan telah peruntukkan bagimu sebagai rezeki, dan jangan mengikut jejak langkah Syaitan: perhatikanlah, dia adalah musuhmu yang nyata!).*

(Surah al-An‘ām 6: 142)

Asad menjelaskan prinsip wahyu dan nilai keseimbangan dalam pandangan hidupnya yang memberikan pertimbangan yang selari pada hal-hal fizikal dan spiritual, yang turut memperhitungkan keaslian aspek

---

<sup>34</sup> Asad, Muhammad, *The Message of the Qur’an*, 424.

dalamannya yang menimbulkan dorongan naluri dan pembawaan lahiriahnya:

*“i.e., dengan secara khurafat mengisytiharkan sebagai diharamkan apa yang Tuhan halalkan kepada manusia. Semua rujukan kepada pantang larang jahiliyah yang disampaikan dalam ayat 138-140 dan juga dalam 142-144 adalah bermaksud untuk menekankan keabsahan sebarang makanan (dan, secara tersirat, dari sebarang kenikmatan fizikal) yang Tuhan tidak secara tegas haramkan melalui wahyu.”<sup>35</sup>*

Dalam tafsirannya pada Surah al-Qaṣāṣ ayat 77:

*Maksudnya: “Carilah sebaliknya, dengan wasilah dari apa yang Tuhan telah kurniakan padamu, [kebaikan dari] kehidupan akan datang, tanpa melupakan, di samping itu, habuanmu [yang wajar] di dunia ini,”*

(Surah al-Qaṣāṣ 28:77)

Asad menghuraikan maksud dan konotasi ayat yang prinsipal yang digariskan tentang ideal:

*“komuniti jalan tengah” yakni yang merangkul aspek fizikal dan spiritualnya secara saksama, “Makna literal, “dan jangan lupakan..., etc.: seruan kepada kedermawanan dan, pada masa yang sama, kepada kesederhanaan (cf. 2:143 – “Kami telah menghendakimu menjadi umat jalan tengah”).<sup>36</sup>*

Penjelasan Asad yang spesifik tentang prinsip wasatiyyah ini mencakup asas-asas moral yang fundamental yang dimaknainya secara mendalam dalam mempreskripsikan jalan pertengahan yang dirumuskan oleh al-Qur'an, yang dianggapnya sebagai “rencana paling lengkap bagi

---

<sup>35</sup> Asad, Muhammad, *The Message of the Qur'an*, 296.

<sup>36</sup> Asad, Muhammad, *The Message of the Qur'an*, 873.

penghidupan manusia” sebagai ditinjau oleh Talal Asad mengenai upayanya ke arah persefahaman dan dialog:

*“bapa saya bukanlah seorang politikus tetapi agamis bagi siapa al-Qur’an dan sunnah membentuk apa yang dipanggilnya “rencana paling lengkap bagi penghidupan manusia”.”<sup>37</sup>*

## DAPATAN KAJIAN

### Perbandingan Tafsir

Menarik untuk ditinjau pengaruh fikrah *wasatīyyah* yang dibawakan Asad dalam tafsirnya ini yang terkesan oleh pemikiran-pemikiran moden yang dikembangkan oleh Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Rida dalam Tafsir al-Manar. Ini dapat ditelusuri dari kitab Tafsir al-Qur’an al-Karim karangan Ustadh H.A. Halim Hasan, H. Zainal Arifin Abbas dan Abdur Rahim Haitami yang banyak mengutip sumber-sumbernya yang didasarkan dari Tafsir al-Manar yang dipanjangkan dari kaedah pendalilan dan keterangan-keterangan fatwanya yang topikal. Dalam tafsirannya pada ayat 2:143 Surah al-Baqarah, H.A. Halim Hasan et al. menukulkan hujah dan pentakwilan Abduh:

*“Maksudnya: Dan seperti demikianlah Kami jadikan kamu ummat yang pertengahan, supaya kamu menjadi saksi atas sekalian manusia dan Rasul (saw) pun menjadi saksi pula atas kamu”*

(Surah al-Baqarah 2:143)

H.A. Halim Hasan et al. menyebutkan:

*“ummat wa-sathan telah diertikan orang juga dengan ummat pilihan (khiyaran) kerana wasathan itu diertikan dengan makna khiyaran (orang-orang pilihan). Adapun ummat pertengahan iaitu bererti satu ummat yang berdiri di tengah-tengah dua ummat,*

---

<sup>37</sup> Talal, Asad. “Dr. Mohammad Asad – A Life for Dialogue”, International Symposium, King Faisal Centre for Research and Islamic Studies, April 11, 2011.

*maka dapat ia melihat kepada dua belah pihaknya, berdiri di tengah-tengah yang terlampau keras dan terlampau lembik dalam i'tiqad, akhlaq dan 'amal."*<sup>38</sup>

Selanjutnya H.A. Halim Hasan et al. mengutip tafsiran dan hujah tambahan daripada keterangan-keterangan yang diambil dari pengarang *Tafsir al-Manar*:

*"Menurut kata Tafsir al-Manar, manusia sebelum lahir Islam terbahagi dua: sebahagiannya orang yang telah dipengaruhi taqlid, hanya memikirkan kesenangan tubuhnya semata-mata seperti orang Yahudi dan musyrikin. Dan sebahagian lagi orang yang mementingkan ruhnyanya semata-mata dengan meninggalkan dunia dan kelazatannya seperti orang Nasrani, Shabi'in, dan sebahagian dari kafir penyembah berhala di India. Adapun ummat Islam yang telah meninjau kedua belah golongan tersebut, telah dikumpulkan Tuhan dalam agama mereka kedua haq tersebut yaitu: haq tubuh dan haq ruh. Boleh disebutkan Allah Ta'ala SWT telah menganugerahkan kepada mereka dalam agamanya haq-haq kemanusiaan, kerana manusia itu jisim, ruh, haiwan dan malaikat. Maka seolah-olahnya Allah Ta'ala telah berkata "Kami telah jadikan kamu ummat pertengahan yang menghimpunkan antara dua haq untuk mencapai dua kesempurnaan"*<sup>39</sup>.

Dalam penjelasannya yang lanjut pada ayat 2:143 (Surah al-Baqarah) ini, H.A. Halim Hasan et al. menukil pendapat Abduh tentang hubungannya dengan kesaksian ummat ini terhadap ummat sebelumnya, sebagai

---

<sup>38</sup> H.A. Halim Hasan, H. Zainal Arifin Abbas, Abdurrahim Haitami, *Tafsir al-Qur'anul Karim*, cet. v (Medan: Yayasan Persatuan Amal Bakti Sumatera Utara, 1967), 40.

<sup>39</sup> Rida, Muhammad Rashid, *Tafsir al-Qur'an al-Hakim al-Masyhur bi-Tafsir al-Manar*, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1999), II, 12: 3-4.

ummat yang terakhir yang dipertanggungjawabkan memikul risalah keagamaan, yang terpercaya dan adil di tengah ummat:

*“supaya kamu menjadi saksi” yang ada dalam ayat 143 ini, ertinya: supaya kamu menunjukkan kepada segenap bangsa manusia akan kebaikan dan kemurnian agama kamu dan melakukan dan membuktikan keadilan dan pertengahan di dalam segenap pekerjaan agama kamu. Maka jalan yang sudah ditunjukkan Allah kepada kamu itu ialah jalan yang menuju kepada kesempurnaan manusia yang tidak ada lebih tinggi dari itu. Kerana orang yang telah bersifat sedemikian itulah orang yang telah melakukan haq Tuhannya, haq dirinya sendiri, haq tubuhnya, haq kaum kerabatnya dan haq sekalian manusia.”<sup>40</sup>*

Selanjutnya H.A. Halim Hasan et al. mengutip keterangan Abduh tentang ungkapan ayat seterusnya berhubung penyaksian Rasul SAW terhadap ummat dan kepentingan nilai kesaksian yang ditegakkannya yang menjamin keadilan dan kesedaran (aqidah wasat) yang terwujud dalam kehidupan umat:

*“dan (supaya) Rasul (saw) menjadi saksi pada atas kamu”, sesungguhnya Rasul (Nabi Muhammad s.a.w.), itulah yang menjadi perbandingan yang paling tinggi bagi orang yang berkehendak mencapai martabat “wasathan” itu. Ummat Islam boleh dapat mencapai gelar “ummat pertengahan yang sebaik-baik ummat” manakala mereka bersungguh-sungguh dengan ikhlas mengikuti Nabinya, Muhammad s.a.w. baik tentang kelakuan, syariat, mahupun lain-lainnya. Sesudah itu dinyatakan-Nya pula bagaimana tingginya martabat mereka di antara sekalian ummat, yaitu mereka ummat pertengahan, tidak berlebih-lebihan di dalam sesuatu hal dan tidak pula menurut zahir pekerjaan saja.*

---

<sup>40</sup> H.A. Halim Hasan, H. Zainal Arifin Abbas, Abdurrahim Haitami, *Tafsir al-Qur'anul Karim*, cet. v (Medan: Yayasan Persatuan Amal Bakti Sumatera Utara, 1967), 41-42.

*Merekalah yang akan menjadi saksi di antara segenap manusia dan menjadi keterangan yang adil pada segenap pekerjaan serta faham pada haqiqat dan rahsia-rahsia agamanya.”<sup>41</sup>*

Pandangan tafsir Abduh ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi pendekatan rasional Asad dalam mazhab tafsirnya yang mengangkat aspirasi Islamnya yang moden dan progresif, yang diilhamkan daripada tulisan-tulisannya yang dimuatkan dalam majalah *al-‘Urwat al-Wuthqā*, *Majallat al-Manār*, dan *Risālah al-Tawhīd*. Kekuatan pengaruh dari doktrin pembaharuannya yang radikal ini terkesan dari gerakan yang didirikan oleh aktivis Pan-Islam Sayyid Jamal al-Din al-Afghani di Mesir dan Paris. Hal ini seperti dinyatakan dalam pengantar tafsirnya:

*“Pembaca akan dapati banyak rujukan yang dibuat dari pandangan Muhammad ‘Abduh (1849-1905) di nota kaki. Pengaruh beliau dalam dunia moden Islam tidak mampu untuk dijelaskan sepenuhnya. Cukup untuk dinyatakan bahawa setiap aliran pemikiran Islam yang tumbuh di zaman moden adalah berakar daripada pengaruh yang bercambah dari tradisi pemikiran dan idealisme beliau, secara langsung atau tidak. Tafsiran al-Qur’an yang direncana dan dirintisnya telah terjejas oleh kewafatannya pada tahun 1905; dan diteruskan (namun sayangnya tidak dapat disempurnakan sepenuhnya) oleh murid beliau Rashid Rida berjudul Tafsir al-Manar, dan telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh saya. Lihat juga Rashid Rida, Tarikh al-Ustadh al-Imam ash-Shaykh Muhammad ‘Abduh (kaherah 1350-1367 H.), sebuah biografi ulung tentang Shaykh Abduh yang pernah diterbitkan, dan juga C.C. Adams, Islam and Modernism in Egypt (London 1933).”<sup>42</sup>*

---

<sup>41</sup> Rida, Muhammad Rashid, *Tafsir al-Qur’an al-Hakim al-Masyhur bi-Tafsir al-Manar*, (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1999), II, 12: 5-6.

<sup>42</sup> Asad, Muhammad, *The Message of the Qur’an*, 21.

### Prinsip Kesatuan

Idea kesederhanaan Islam ini pada dasarnya berpangkal dari faham kesatuan yang dihubungkan dengan ajaran-ajaran Islam yang seimbang dan harmonis, yang mengikat hubungan fizikal dan spiritual dan keselarasan jiwa dan raga, di mana:

*“tidak ada dualisme dalam bentuk apa pun dalam Islam; tubuh dan jiwa merupakan suatu perpaduan”.*<sup>43</sup>

Kesan yang dirangkul dari pengalamannya dalam lingkungan tradisi Islam ini cuba dibandingkan Asad dengan ajaran-ajaran yang terpisah dalam kepercayaan Yahudi dan Kristian yang berbeza dengan pendirian Islam, yang menampakkan kesatuan dalam setiap aliran dan premis yang mencorakkan ajaran-ajarannya:

*“pendekatan Islam terhadap persoalan-persoalan jiwa jauh lebih dalam dibandingkan dengan yang tersurat dalam Perjanjian Lama dan lebih-lebih pula tidak tersimpul sedikitpun tentang kecenderungan untuk suatu bangsa khusus, sebagaimana yang terdapat dalam agama Kristian; dan pendekatannya tentang persoalan-persoalan tubuh kasar ditekankan dengan jelas dan berbeza dengan Perjanjian Baru. Jiwa dan tubuh kasar terwujud masing-masing menurut haknya sendiri, bagaikan segi kembar dari kehidupan manusia ciptaan Tuhan.”*<sup>44</sup>

Ketinggian ajaran Islam ini dilihat dari kesepaduan struktur ajaran moral dan program hidup yang praktis yang tak terpisah dari ajaran-ajarannya yang sederhana yang menggabungkan kesedaran alam materi dan metafizik:

---

<sup>43</sup> Asad, Muhammad, *Jalan Ke Makkah*, tr. Fuad Hashem, 158.

<sup>44</sup> Asad, Muhammad, *Jalan Ke Makkah*, tr. Fuad Hashem, 228.

*“yang tampak pada saya di dalam al-Qur’an, bukanlah materialisme gila-gilaan, melainkan sebaliknya, kepadatan akan kesedaran-ketuhanan yang mewujudkan diri dalam penerimaan seluruh alam ciptaan Tuhan, hidup terpadu secara harmonis antara desakan akal dan rasa, antara keperluan spiritual dan tuntutan sosial.”<sup>45</sup>*

Kesan ini turut diungkapkan Asad dalam bukunya *Islam at the Crossroads* tentang keserasian dan kesepaduan yang luar biasa dari ajaran-ajaran samawi dan ideal keinsanannya yang terjalin kukuh, terpadu secara bulat dan harmonis:

*“Islam nampak pada saya sebagai suatu karya arkitek yang sempurna. Segala bahagian-bahagiannya terpadu secara harmonis untuk saling mengisi dan saling menopang, tidak ada yang berlebih-lebihan dan tidak ada yang kurang, merupakan satu perimbangan yang mutlak dan satu komposisi yang padu.”<sup>46</sup>*

## KESIMPULAN

Dari perbincangan ringkas di atas terkait tema dan faham *wasatīyyah* yang disorot dari kitab tafsir Muhammad Asad, kajian mendapati prinsip ini membentuk fikrah asas yang mendasari konsep-konsep kunci yang diartikulasikan Asad dalam penulisannya terutama dalam kaitannya dengan prinsip moral dan kesatuan epistemiknya. Ini digariskan secara konsisten dalam karya-karya tafsir dan hadithnya yang menekankan prinsip dan amalan Islam yang seimbang, kontemporer dan liberal. Premis ini mencerminkan faham epistemik tentang prinsip tauhid yang maknawi yang mendasari pandangan hidup agama dan nilai keseimbangannya yang merangkum dan integral dalam konteks sosio-budaya dan sejarahnya. Ia menempati posisi penting dalam hubungannya

---

<sup>45</sup> Asad, Muhammad, *Jalan Ke Makkah*, tr. Fuad Hashem, 231.

<sup>46</sup> Asad, Muhammad, *Islam di Simpang Jalan*, tr. M. Hashem, (Bandung: Pustaka, 1983), 5.

dengan sentraliti religius dan keutuhan struktur moral dan pandangan hidupnya yang praktis dan harmonis. Implikasi dari pemikiran dan falsafah kesederhanaan (moderation) yang digarap Asad tentang doktrin ini mempengaruhi secara meluas ideologi yang digerakkannya tentang konsep ummat wasaṭa dan nilai yang dipertahankannya yang menegakkan aspek keseimbangan (wasāṭiyyah) dan keharmonian dalam segenap bidang kehidupan dan faham kesatuannya yang fundamental.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM) kerana memudahcara akses kepada perujukan bahan di Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas (SMNA Library).

## RUJUKAN

- Abdullah Saeed (ed.). 2005. *Approaches to the Qur'an in Contemporary Indonesia*. London: The Institute of Ismaili Studies & Oxford University Press, 2005.
- Abdullah Saeed, "The nature and purpose of the community (ummah) in the Qur'an." In Lucinda Mosher & David Marshall, eds., *The Community of Believers Christian and Muslim Perspectives*. Washington, DC.: Georgetown University Press, 2013.
- Ahmad Syafii Maarif, "Muhammad Asad, Risalah al-Qur'an dan Dunia Melayu," diakses 1 Jan 2020 <https://irfront.org/print/9931>.
- Al-Faruqi, I.R. *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. Herndon, Virginia: IIIT, 1992.
- Al-Qaradawi, Yusuf. *Islam: An Introduction*. Tr. Syed Bashir Ahmad Kashmiri. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2010.
- Al-Shinqiti, Muhammad al-Mukhtar. *Intelektual Muslim Terbaik Abad ke-20 (Khiratul 'Uqul al-Muslimah fi'l-Qarn al-'Ishrin)*. Tr. Mohammad Syafiq Ismail. Kuala Lumpur: ABIM Press, 2020.
- Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud b. 'Umar. *Al-Kashshaf 'an Haqa'iq al-Tanzil*, ed. W. Nassau Lees. Calcutta: W. Nassau Lees, 1856.

- Asad, Muhammad. The Message of the Qur'an. Gibraltar: Dar al-Andalus, 1980.
- Asad, Muhammad. The Road to Mecca, 4th rev. ed. Louisville, KY: Fons Vitae, 1980.
- Asad, Muhammad. The Principles of State and Government in Islam. Gibraltar: Dar al-Andalus, 1980.
- Asad, Muhammad. Islam at the Crossroads. Gibraltar: Dar al-Andalus, 1982.
- Asad, Muhammad. Islam di Simpang Jalan. Tr. M. Hashem. Bandung: Pustaka, 1983.
- Asad, Muhammad. Jalan Ke Makkah. Tr. Fuad Hashem. Bandung: Penerbit Mizan, 1985.
- Asad, Muhammad. Sebuah Kajian tentang Sistem Pemerintahan dalam Islam. Tr. Afif Mohammad. Bandung: Pustaka, 1985.
- Azyumardi, Azra. Islam Nusantara: Islam Indonesia dalam Politik Global. Jakarta: Mizan, 2018.
- H.A. Halim Hasan, H. Zainal Arifin Abbas, Abdur Rahim Haitami. Tafsir al-Qur'an al-Karim, cet. 8. Medan: Firma Islamiyah, 1956.
- H.A. Halim Hasan, H. Zainal Arifin Abbas, Abdurrahim Haitami. Tafsir al-Qur'anul Karim, cet. v. Medan: Yayasan Persatuan Amal Bakti Sumatera Utara, 1967.
- Hamka. Lembaga Budi. Batu Caves: PTS, 2016.
- Hasan Zillur, Rahim. "Muhammad Asad Visionary Islamic Scholar.". Washington Report on Middle East Affairs, 1995.
- Ilham Mirzaya Putra, Muhammad Fachran Haikal, Dian Eka Priyantoro. Religious Moderation in Urban Indonesia: A Regional Development Approaches. Ijtimaiyya: Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam 18 (1), 2025.
- Kamali, Mohammad Hashim, Principles of Islamic Jurisprudence. Cambridge: Islamic Texts Society, 2003.
- Kamali, Mohammad Hashim. Moderation and Balance in Islam: The Qur'anic Principle of Wasatiyyah. Kuala Lumpur: International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS), 2010.
- Kamali, Mohammad Hashim. The Middle Path of Moderation in Islam: The Qur'anic Principle of al-Wasatiyyah. Oxford: Oxford University Press, 2015.

- Mohd. Kamal, Hassan. Voice of Islamic Moderation from the Malay World. Ipoh: Emerging Markets Innovative Research (EMIR), 2011.
- Mohd. Kamal, Hassan. “Understanding and Explaining the Concept of al-Wasatiyyah in the Current World Situations”, keynote address, Second International Conference on Islam and Islamic Studies in Changing World: Challenges and Opportunities, Prince of Songkla University Pattani, Thailand, 14-16 January, 2011.
- Muhammad Safwan Harun, Lukman Abdullah, Muhammad Ikhlas Rosele. Pendekatan Wasatiyah dalam Pemikiran Fiqh al-Jihad Muhammad Said Ramadan al-Buti. Journal al-Muwafaqat 3, no. 1, 2020.
- Nadzrah Ahmad, Ahmad Nabil Amir. “Wasatiyyah” in the Perspective of Muhammad Asad. Munich: GRIN Publishing, 2017.
- Nurcholish Madjid. Islam Doktrin dan Peradaban. Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina, 2000.
- Rida, Muhammad Rashid. Tafsir al-Qur’an al-Hakim al-Masyhur bi-Tafsir al-Manar, 12 jil. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1999.
- Rizkhan. Alwaleed: Businessman, Billionaire, Prince. New York: Harper Collins Publisher, 2005.
- Sharif al-Radi, The Path of Eloquence, Imam Ali’s Sermons, Letters and Sayings. World Organization for Islamic Services, 1987.
- Shameem, Abdul Jalil. ‘The Voice of Moderation in Islam: Malaysia as an Exemplary Nation.’ Unpublished PhD diss., ISTAC-IIUM, 2014.
- Syafii, Lazuardi Ramadhan Yusuf. Moderasi Beragama dalam Mewujudkan Islam Rahmatan Lil Alamin. Al-Afkar Journal for Islamic Studies 7, no. 4, 2024.
- Talal, Asad. “Dr. Mohammad Asad – A Life for Dialogue”. International Symposium, King Faisal Centre for Research and Islamic Studies, April 11, 2011.